



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Pengajaran Kolaboratif 2022: Hanyu Pinyin

Disediakan oleh
Ngien Ming Ming, Wee Sheau Ping & Cindy Richard Thing

UiTM Cawangan Sarawak dan UiTM Cawangan Melaka telah menganjurkan satu webinar pengajaran kolaboratif Bahasa Mandarin bersama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kuala Lumpur pada 2 Disember 2022 (Jumaat) jam 3.00 - 4.30 petang secara dalam talian melalui aplikasi Webex.

Webinar ini telah diadakan oleh kumpulan pensyarah bagi pengajaran kolaborasi Bahasa Mandarin UiTM. Kumpulan ini diketuai oleh Encik Soo Yew Phong yang juga merupakan pensyarah kanan dari Kampus Jasin. Turut bersama beliau ialah Puan Wee Sheau Ping sebagai moderator webinar, Puan Cindy Richard Thing dan Cik Ngien Ming Ming dari Kampus Samarahan 2.

Pihak penganjur telah menjemput perunding kanan Puan Ching Wai Mun dari Unit Pembangunan dan Penyampaian Latihan Bahasa Cina, Institut Tadbiran Awam (INTAN)

sebagai penceramah. Beliau mempunyai lebih kurang 26 tahun pengalaman dalam pengajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua kepada penjawat awam sejak tahun 1996. Beliau juga merupakan seorang Subject Matter Expert (SME) bagi kursus bahasa Mandarin secara dalam talian di E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA).

Penganjuran webinar ini menumpukan pengajaran terhadap sistem fonetik bahasa Mandarin iaitu Hanyu Pinyin. Sasaran peserta webinar ini ialah para pelajar kursus Permulaan Bahasa Mandarin Tahap 1 di kedua-dua kampus UiTM. Sebutan dan intonasi Bahasa Mandarin amat sukar dikuasai oleh kebanyakan pelajar. Oleh demikian webinar pengajaran Hanyu Pinyin bertujuan memperkukuhkan penguasaan sebutan bahasa Mandarin dalam kalangan para pelajar. Selain itu, pengajaran kolaboratif ini juga mengalakkan kerjasama antara pensyarah dan institusi lain untuk berkongsi

pengetahuan dalam bidang kepakaran masing-masing.

Seramai 121 orang pelajar (102 orang pelajar dari UiTM Cawangan Sarawak dan 20 orang pelajar dari UiTM Cawangan Melaka) telah menyertai sesi webinar pengajaran kolaboratif kali ini. Pelajar berpeluang melibatkan diri dalam sesi latihan penyuaian dan berinteraksi dengan penceramah. Sesi pengajaran Hanyu Pinyin ini telah memotivasikan pelajar dalam pembelajaran fonetiks bahasa Mandarin.

Webinar ini telah dilaksanakan dengan jayanya. Pihak kami merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan webinar ini. Kami berharap agar webinar pengajaran kolaboratif akan diadakan lagi dengan INTAN atau institusi lain pada masa akan datang.



